



"1MALAYSIA : RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN"

Ruj. Kami: KPM.100-4/1/11 Jld. 4 (63)
Tarikh: 26 Februari 2018

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Dr/Datin/Tuan/Puan,

TAWARAN MENGIKUTI KOREA-MALAYSIA TEACHER EXCHANGE PROGRAMME (KOMTEP) DI BAWAH PROGRAM ASIA-PACIFIC TEACHER EXCHANGE FOR GLOBAL EDUCATION (APTE), REPUBLIK KOREA TAHUN 2018

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Bahagian Pendidikan Guru (BPG) akan melaksanakan ambilan bagi *Korea-Malaysia Teacher Exchange Programme* (KOMTEP) dengan jalinan kerjasama Kementerian Pendidikan Republik Korea dan *Asia-Pacific Centre of Education for International Understanding*, UNESCO (APCEIU) bagi tahun 2018. Program ini akan bermula pada Mac 2018 dengan penempatan seramai **sepuluh** (10) orang guru Korea di **lima** (5) buah sekolah di Pulau Pinang manakala guru dari Malaysia akan dihantar ke Republik Korea mulai Ogos 2018 sehingga November 2018 selama **tiga** (3) bulan.

3. Objektif program ini adalah untuk mewujudkan jalinan kerjasama pintar peringkat antarabangsa antara guru sekolah Republik Korea dan Malaysia serta memberi peluang kepada guru Malaysia mempertingkatkan kompetensi melalui pendedahan sebenar dan menimba pengalaman baharu secara amali berkaitan amalan terbaik proses pengajaran dan pembelajaran di Republik Korea.

4. Program penempatan guru Malaysia ke Republik Korea ini ditawarkan kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) yang sedang berkhidmat di sekolah dan memenuhi syarat serta kelayakan asas seperti berikut:

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berkhidmat dengan Kementerian Pendidikan Malaysia **tidak kurang daripada 5 tahun**;
- (c) Telah **disahkan dalam skim perkhidmatan terkini** pada tarikh tutup permohonan;
- (d) Berumur tidak melebihi **50 tahun pada 1 Ogos 2018**;
- (e) Tidak berdaftar atau mengikuti sebarang pengajian dengan mana-mana universiti sebagai pelajar sepenuh masa/ separuh masa/ sambilan dengan tajaan KPM;
- (f) Tidak mengikuti program jangka pendek dalam tempoh satu (1) tahun kebelakangan atau program jangka panjang dalam tempoh dua (2) tahun kebelakangan (dikira dari tarikh program ini bermula) (**Lampiran A1**);
- (g) Telah tamat tempoh ikatan perjanjian perkhidmatan dengan KPM selepas menamatkan kursus bagi PPP yang pernah menerima penajaan biasiswa bagi Ijazah Sarjana Muda/ Sarjana/ Kedoktoran dalam dan luar negara (dikira dari tarikh tamat pengajian);
- (h) Bukan peminjam tegar atau peminjam yang disenaraihitamkan oleh KPM atau badan-badan peminjam kerajaan lain (**Lampiran D: Bebas Senarai Hitam**);
- (i) Melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti sukan, kebudayaan dan kesenian (**Sijil-sijil Penyertaan/ Penghargaan**);
- (j) Boleh berkomunikasi dengan fasih dan menulis dengan baik dalam Bahasa Inggeris (**Sijil-sijil Tahap Kecekapan Bahasa Inggeris**);
- (k) Mempunyai tahap literasi komputer yang baik (**Sijil-sijil Tahap Literasi Komputer**);
- (l) Mendapat kebenaran pasangan bagi PPP yang telah berkahwin (**Borang Kebenaran Pasangan**);

- (m) Mempunyai tahap kesihatan yang baik (**Borang Pemeriksaan Kesihatan**);
- (n) Tidak mempunyai sebarang kecacatan fizikal dan mental dan bebas dari penyakit berjangkit terutama HIV, Tuberculosis dan Syphilis (**Surat Akuan Kesihatan**);
- (o) Telah mengisytiharkan harta (**Surat/ Rekod Pengisytiharan harta**);
- (p) Bersih daripada pertuduhan/ tindakan tatatertib dan bebas daripada dakwaan Mahkamah (**Ulasan/ Perakuan Ketua Jabatan**);
- (q) Mencapai markah **Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) purata 85 markah ke atas bagi tempoh genap 3 tahun skim perkhidmatan terkini berturut-turut (2014, 2015 & 2016 atau 2015, 2016 & 2017)**. Penilaian setahun LNPT genap 12 bulan (**Ulasan/ Perakuan Ketua Jabatan**);
- (r) Keutamaan diberikan kepada PPP yang menjalankan tugas terkini sebagai guru di sekolah mengajar mata pelajaran Bahasa Inggeris/Matematik/Sains/Pendidikan Jasmani dan Kesihatan/ Pendidikan Muzik dan Pendidikan Seni Visual/ Matapelajaran Teknik dan Vokasional di Sekolah Menengah/ Kolej Vokasional (Automobil/Mekatronik/Elektrik & Elektronik/Senibina/Tekstil/Grafik) (**Sijil-sijil Kelayakan Akademik/ Ikhtisas**);
- (s) Keutamaan juga akan diberikan kepada PPP yang pernah mendapat anugerah/ pengiktirafan khusus sama ada di peringkat Daerah, Negeri, Kebangsaan dan Antarabangsa. (**Sijil-sijil Anugerah/ Pengiktirafan**); dan
- (t) Kelebihan bagi PPP yang boleh berkomunikasi dengan fasih dan menulis dengan baik dalam Bahasa Korea (**Surat/ Sijil pengesahan**)

5. PPP yang berminat hendaklah mengisi borang permohonan yang dilampirkan. Borang permohonan ini boleh dimuat turun dan dicetak dari Portal Rasmi KPM. Borang permohonan yang telah **lengkap diisi** hendaklah dihantar dengan disertakan bersama-sama:

- (a) Sekeping Gambar Terbaharu Ukuran Pasport (**dimuka depan Borang Permohonan**);
- (b) Salinan Kad Pengenalan;

- (c) Borang Keckerapan Menghadiri Program Luar Negara (**Lampiran A1**);
- (d) Borang Bebas Dari Senarai Hitam (**Lampiran D**);
- (e) Borang Pemeriksaan Kesihatan;
- (f) Surat Akuan Kesihatan;
- (g) Ulasan/ Perakuan Ketua Jabatan;
- (h) Surat/ Rekod Pengisytiharan Harta;
- (i) (Borang Kebenaran Pasangan);
- (j) Sijil-sijil Penyertaan/ Penghargaan;
- (k) Sijil-sijil Tahap Kecekapan Bahasa Inggeris;
- (l) Sijil-sijil Tahap Literasi Komputer;
- (m) Sijil-sijil Kelayakan Akademik/ Ikhtisas;
- (n) Sijil-sijil Anugerah/ Pengiktirafan;
- (o) Surat/ Sijil Pengesahan Tahap Kecekapan Bahasa Korea; dan
- (p) Salinan Senarai Tugas Semasa
- (q) Perancangan Pelan Projek – ikut format yang diberikan
- (r) Satu contoh Rancangan Pengajaran Harian – ikut format yang diberikan

5. Permohonan yang lengkap perlu mendapat sokongan/ ulasan daripada Pengarah Bahagian atau JPN. Bagi permohonan PPP dari kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak boleh mendapat sokongan/ ulasan daripada Pegawai Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) masing-masing. Tarikh tutup permohonan bagi penyertaan program ini adalah pada **02 April 2018 (Isnin)** dan permohonan yang lengkap berserta sokongan/ ulasan hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya pada tarikh tersebut jam **5:00 petang** kepada:

Pengambilan KOMTEP2018,
Sektor Dasar Keguruan,
Bahagian Pendidikan Guru,
Kementerian Pendidikan Malaysia,
Aras 3, Blok E13, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA

Pegawai-pegawai berikut boleh dihubungi untuk semakan penerimaan borang:

- i. Puan Fazilah binti Mohammed Jam
Tel : 03-8884 1061
E-mel : fazilah@mohammed@moe.gov.my
- ii. Puan Zaliza binti Ali
Tel : 03-8884 1192
E-mel : zaliza@ali@moe.gov.my

iii. Puan Khairina binti Khalid
Tel : 03-8884 1194
E-mel : khairina.khalid@moe.gov.my

6. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini boleh dikemukakan kepada Pegawai-pegawai berikut untuk maklumat lanjut:


- i. Cik Noraini binti Abdul Latiff
Tel : 03-8884 1212
E-mel : noraini.abdlatif@moe.gov.my
- ii. Encik Ahmad Saifuldin bin Makkah
Tel : 03-8884 1067
E-mel : saifuldin.makkah@moe.gov.my
- iii. Puan Iminza binti Zakaria
Tel : 03-8884 1219
E-mel : ilminza.zakaria@moe.gov.my

7. Hanya permohonan yang berjaya dan layak ke peringkat seterusnya akan dimaklumkan melalui surat pada atau sebelum **30 April 2018 (Isnin)**.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(DATO' HAJI MAHMUD BIN KARIM)

Pengarah

Bahagian Pendidikan Guru

s.k.: Fail Timbul
Ketua Setiausaha KPM
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Timbalan-timbalan Ketua Setiausaha
Timbalan-timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Rektor, Institut Pendidikan Guru Malaysia
Pengarah, Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
Setiausaha Bahagian, Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa
Setiausaha Bahagian, Bahagian Kewangan
Ketua Unit, Unit Komunikasi Korporat

SENARAI EDARAN

1. Pengarah, Bahagian Pendidikan Teknik & Vokasional
2. Pengarah, Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kecemerlangan
3. Pengarah, Bahagian Pendidikan Islam
4. Pengarah, Bahagian Pendidikan Khas
5. Pengarah, Bahagian Kokurikulum dan Kesenian
6. Pengarah, Bahagian Sukan
7. Pengarah, Jabatan Pendidikan Negeri Kedah
8. Pengarah, Jabatan Pendidikan Negeri Pahang
9. Pengarah, Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan
10. Pengarah, Jabatan Pendidikan Negeri Melaka
11. Pengarah, Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu
12. Pengarah, Jabatan Pendidikan Negeri Johor
13. Pengarah, Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan
14. Pengarah, Jabatan Pendidikan Negeri Sabah.
15. Pengarah, Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak
16. Pengarah, Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang
17. Pengarah, Jabatan Pendidikan Negeri Perak
18. Pengarah, Jabatan Pendidikan Negeri Selangor
19. Pengarah, Jabatan Pendidikan Negeri Perlis
20. Pengarah, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
21. Pengarah, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan
22. Pengarah, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya